KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	TNB			

TNB perlu wujud prosedur khas banteras curi elektrik

Pemilik premis dituntut bayar bil tinggi akibat sindiket melombong bitcoin

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) digesa mewujudkan prosedur khas bagi membanteras insiden 'curi elektrik', khususnya bagi aktiviti perlombongan bitcoin untuk mengelak pemilik akaun teraniaya.

Ia berikutan pendedahan beberapa pemilik premis yang dituntut membayar bil elektrik berjumlah ratusan ribu ringgit kepada TNB, akibat pihak tidak bertanggungjawab mencuri elektrik, dipercayai bagi melombong bitcoin.

Pengamal undang-undang, Norazalina Hairuddin, percaya aktiviti curi elektrik untuk melombong mata wang digital itu didalangi kumpulan sindiket berikutan modus operandi bagi beberapa kes yang dikesan adalah sama.

Katanya, sindiket itu dikesan menyewa premis perniagaan daripada pemilik akaun, sebelum membuat pelarasan pada meter TNB supaya elektrik dicuri tidak dapat dikesan oleh syarikat utiliti berkenaan.

"Aktiviti sindiket ini biasanya boleh berterusan beberapa tahun dan hanya diketahui apabila premis itu terbabit dalam pemeriksaan rambang oleh TNB yang mengesannya berdasarkan pelarasan yang dibuat pada meter.

"TNB kemudian akan membuat kiraan ke belakang sehingga tarikh disyaki bermulanya kecurian elektrik, berdasarkan penurunan bil elektrik secara luar biasa dan bayaran yang boleh mencecah ratusan ribu ringgit ini akan dituntut daripada pemilik akaun.

"Pemilik akaun tidak mengetahui perkara ini, namun akhirnya mereka menjadi mangsa.


Kegiatan melombong Bitcoin tumpas

Keratan akhbar BH, semalam.

Saya sendiri menguruskan tiga kes berkaitan perkara ini, dengan jumlah keseluruhan bayaran yang dituntut TNB bagi ketiga-tiga mangsa mencecah hampir RM1 juta," katanya kepada *BH*.

Berdasarkan undang-undang semasa, Norazalina berpandangan, pemilik akaun berdaftar memang tidak dapat berbuat apa-apa dan terpaksa membayar bil berkenaan, namun jumlah yang dituntut boleh dicabar di mahkamah.

Katanya, Akta Bekalan Elektrik 1990 memperuntukkan sebarang pelarasan atau gangguan pada pemasangan TNB akan dipertanggungjawabkan kepada pemilik akaun berdaftar, yang kebiasaannya pemilik premis.

"Pemilik maklumkan mereka tidak boleh sesuka hati membuat pemeriksaan di premis yang disewakan kerana dalam perjanjian sewaan, terdapat klausa mengenai hak penyewa untuk hidup secara aman tanpa gangguan pemilik premis.

"Mahkamah pula tidak akan mengambil kira siapa pelaku, sebaliknya memberi fokus pada jumlah yang perlu dibayar, sekali gus berlaku ketidakadilan, sama ada kepada pemilik akaun atau TNB sendiri yang juga menanggung kerugian," katanya.

Bagi mengelak ketidakadilan itu berterusan, Norazalina menggesa TNB mewujudkan prosedur khas bagi mengesan tindakan kecurian elektrik itu lebih awal, bagi mengelak ia berterusan dalam tempoh lama hingga menyebabkan kos meningkat mencecah ratusan ribu ringgit.

"Apabila pelarasan dibuat pada meter elektrik, bil akan turun dengan mendadak. Jika penurunan mendadak itu berterusan untuk tiga hingga empat bulan, TNB sepatutnya sudah boleh bertindak untuk menyiasat di alamat berkenaan. TNB tidak boleh cuai dan sepatutnya sudah wujudkan prosedur khas mengatasi perkara ini.

> "Aktiviti sindiket ini biasanya boleh berterusan beberapa tahun dan hanya diketahui apabila premis itu terbabit dalam pemeriksaan rambang oleh TNB yang mengesannya berdasarkan pelarasan yang dibuat pada meter"


***Norazalina Hairuddin,** Pengamal undang-undang*

"Kes ini bukan baharu, sebaliknya sudah berlaku sekurang-kurangnya sejak 2010, khususnya membabit premis rumah kedai dan kilang," katanya turut menyarankan pemilik premis mendaftarkan akaun TNB mereka di bawah nama penyewa bagi memastikan penyewa bertanggungjawab terhadap sebarang penggunaan atau salah guna bekalan elektrik.

"Namun ini hanya penyelesaian jangka pendek, tetap tidak menyelesaikan masalah sebenar, iaitu kecurian elektrik dan pelarasan meter. TNB tetap jadi mangsa jika langkah tuntas tidak dilaksanakan," katanya.